

27/07/2002

Iraq minta Malaysia hentikan campur tangan AS

KUALA LUMPUR, Jumaat - Iraq yang diancam serangan terbaru Amerika Syarikat yang berhasrat menggulingkan Presiden Saddam Hussein, meminta Malaysia dan masyarakat antarabangsa menghentikan campur tangan Washington dalam hal ehwal dalaman negara lain, khususnya Iraq.

Baghdad juga mahu Washington menghentikan kekerasan harian terhadapnya dan menamatkan sekatan serta zon larangan terbang di utara dan selatan negara itu yang diadakan secara tidak sah oleh Amerika dan Britain.

Setiausaha Kedua Kedutaan Iraq di sini, Sabah Latif Ahmed, berharap Malaysia menerusi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dapat menyampaikan mesej itu kepada Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell, yang akan ke sini Isnin ini.

"Kami ingin mereka (Amerika) berhenti mencampuri urusan negara lain terutamanya Iraq dan membiarkan Iraq menikmati kebebasannya, iaitu hak setiap negara merdeka yang berdaulat.

"Iraq memohon kepada semua negara lain termasuk Malaysia membantu menghalang campur tangan Amerika dalam hal ehwal Iraq," katanya menerusi jurubahasa dalam wawancara bersama Berita Harian di Kedutaan Besar Iraq di sini, hari ini.

Beliau mengulas mesej yang Iraq ingin Malaysia sampaikan kepada pentadbiran Presiden George W Bush sempena lawatan Powell ke sini.

Bush sebelum ini secara terang mengumumkan rancangannya untuk menukarkan kepemimpinan Iraq menerusi serangan terbaru yang dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi.

Amerika memberi alasan Iraq enggan mematuhi ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung pasukan penyiasat senjata. Iraq pula menyanggah tuduhan itu dan menyatakan Washington sengaja mencari jalan untuk menyerangnya selepas sekatan selama 11 tahun gagal menyingkirkan Saddam.

Ditanya apakah beliau sudah membuat permintaan rasmi kepada Wisma Putra, Sabah berkata sudah wujud persefahaman di antara kedua-dua negara bahawa Malaysia akan menyatakan harapan Iraq kepada Amerika dalam apa saja forum yang sesuai.

Sabah berkata, beliau sudah menemui Syed Hamid sebelum ini dan Malaysia memberi jaminan akan berusaha menamatkan penderitaan rakyat Iraq.

"Kami menghargai usaha kerajaan Malaysia dan sokongan serta bantuan yang diberikan rakyat Malaysia," katanya.

Mengenai cadangan Presiden Iran, Seyyed Mohammad Khatami, ketika pertemuan tertutup dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu supaya ditubuhkan Kesatuan Islam, Sabah berkata Iraq menyokong apa saja usaha untuk kebaikan umat Islam.

"Pada dasarnya Iraq menyokong usaha bagi memperkukuhkan dunia Islam," katanya.